

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

## RM1 bilion untuk kredit e-tunai

# RM1 bilion untuk kredit e-tunai

Rakyat dewasa pendapatan tahunan RM100,000 ke bawah dapat RM100

**Kuala Lumpur:** Prihatin terhadap cabaran kenaikan kos sara hidup yang sedang dihadapi rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, mengumumkan beberapa inisiatif bantuan tunai bagi meringankan beban masyarakat, khususnya golongan B40 dan M40.

Inisiatif itu termasuk tawaran kredit e-tunai kepada golongan dewasa, serta bantuan khas wang tunai kepada penjawat awam dan pesara kerajaan. Menerusi langkah itu, kerajaan mengagihkan kredit e-tunai RM100 kepada semua rakyat dewasa di negara ini yang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan tahunan RM100,000 ke bawah.

Perdana Menteri berkata, inisiatif yang membolehkan peruntukan sekitar RM1 bilion itu akan memberi manfaat kepada lebih 10 juta rakyat, merangkumi golongan B40 dan M40.

Katanya, inisiatif e-tunai kepada golongan dewasa itu diumumkan selepas kerajaan melihat kejayaan dan impak besar



Inisiatif bantuan tunai dapat meringankan beban golongan B40 dan M40.

(Foto hiasan)

program e-tunai kepada masyarakat.

"Melihat akan kejayaan dan impak besar program e-tunai kepada masyarakat, kerajaan bersetuju menawarkan kredit e-tunai sebanyak RM100 kepada semua rakyat dewasa Malaysia yang berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah.

"Bilangan penerima yang layak dianggar melebihi 10 juta rakyat iaitu merangkumi golongan B40 dan M40 dengan dana sekitar RM1 bilion," katanya ketika berucap dalam Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat di sini, semalam.

Anwar turut mengumumkan pemberian bantuan khas penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam Gred 56

ke bawah, termasuk lantikan kontrak.

### Dibayar dalam dua minggu

Selain itu, bantuan khas penghargaan RM200 pula diberikan kepada pesara kerajaan, termasuk pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen.

Bantuan yang memanfaatkan 1.3 juta penjawat awam dan lebih sejuta pesara itu, akan dibayar dalam tempoh dua minggu dan sebagai permulaan sementara menunggu proses pelarasan gaji dan elaun penjawat awam selesai diperincikan.

"Sementara kajian gaji dan

elaun diperincikan, kerajaan akan menyediakan bantuan khas penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam Gred 56 dan ke bawah serta RM200 kepada pesara kerajaan.

"Saya arahkan Kementerian Kewangan agar dapat meluluskan dan menyalurkan bantuan khas ini dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

"Dengan pemberian permulaan ini, diharap penjawat awam akan terus berusaha gilig untuk menyokong hasrat melaksanakan pembaharuan Ekonomi MADANI, memberi perkhidmatan terbaik, sekali gus membantu ruang fiskal kerajaan agar hasrat kerajaan untuk merealisasikan gaji baharu perkhidmatan awam menjadi kenyataan," katanya.

### Kredit e-tunai

## RM100

Kepada semua rakyat dewasa di negara ini yang berpendapatan tahunan RM100,000 ke bawah

Bilangan penerima yang layak dianggar melebihi 10 juta rakyat merangkumi golongan B40 dan M40 dengan dana sekitar RM1 bilion

### Bantuan khas penghargaan penjawat awam

## RM300

Gred 56 ke bawah

## RM200

### Pesara kerajaan

(pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara KWSP, pesara bersara pilihan, dan belum menerima pencen, veteran pencen berpencen serta tidak berpencen)

### Manfaatkan

## 1.3 juta

penjawat awam termasuk lantikan kontrak serta lebih sejuta pesara